

16 FEB 2003

Mahathir-Filem

PM INGATKAN PENERBIT KELUARKAN FILEM TANPA KEGANASAN

KUALA LUMPUR, 16 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan penerbit filem agar mengeluarkan filem-filem yang mempunyai nilai-nilai yang baik dan tanpa keganasan.

Beliau berkata para karyawan perlu mempromosikan nilai-nilai baik dalam filem mereka kerana elemen-elemen negatif seumpama itu secara tidak langsung mempengaruhi budaya kehidupan masyarakat hari ini.

Keganasan dan kekerasan yang berlaku dalam masyarakat hari ini seperti membunuh dan penyalahgunaan dadah sedikit sebanyak adalah disebabkan oleh apa yang dipopularkan oleh media, katanya semasa merasmikan Festival Filem Sedunia Kuala Lumpur 2003 (KLWFF 2003) di Dataran Merdeka di sini malam ini.

Beliau memberikan contoh kanak-kanak yang cuba terbang dengan meniru aksi dari filem yang ditonton walaupun ianya adalah rekaan.

Dr Mahathir berkata sebagai medium paling popular, karyawan filem seharusnya menjadikan filem sebagai landasan untuk menerapkan nilai-nilai kemanusiaan dan keamanan dalam konteks masyarakat sejagat.

Malaysia pertama kali menganjurkan KLWFF 2003 bersempena Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali ke-13 (NAM).

Lebih 3,000 warga kota membanjiri Dataran Merdeka untuk menyaksikan majlis perasmian gilang-gemilang KLWFF 2003 yang disertai 38 buah negara. Sebanyak 48 buah filem akan dipertontonkan percuma kepada khalayak umum selama tiga hari.

Tayangan percuma itu ialah di Tanjong Golden Village di KLCC dan Golden Screen Cinema di Mid Valley.

Selain daripada delegasi yang menyertai KLWFF 2003, majlis perasmian turut diserikan dengan persembahan istimewa penghargaan kepada bintang legenda filem Melayu dengan memetik beberapa segmen filem berkenaan.

-- BERNAMA

KK FSM MFZ RHM